

# MAJLIS PERASMIAN PROGRAM REMAJA BERWAWASAN DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3244-majlis-perasmian-program-remaja-berwawasan-di-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3244-majlis-perasmian-program-remaja-berwawasan-di-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 28 Mac 18 - Majlis Perasmian Program Remaja Berwawasan (PRB) NBOS telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM yang berlangsung di Dewan Puteri Pangkalan Udara Gong Kedak. Turut hadir pada perasmian tersebut wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Tuan Suzulkifli bin Yusof, wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Puan Hayati binti Abd Halim, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dari pelbagai Agensi Kerajaan, Guru-guru Sekolah serta Jurulatih-jurulatih Program Remaja Berwawasan.

Pangkalan Udara Gong Kedak telah dipertanggungjawab bagi mengkoordinasi 120 peserta Latihan Program Remaja Berwawasan pada tahun ini yang terdiri dari 3 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Tong, Setiu Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut, Pasir Puteh Kelantan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Long Yunus, Bachok Kelantan. Seramai 40 peserta disasarkan setiap sekolah dalam melaksanakan program ini serta dibawah pengawasan dua guru penyelaras dan tiga jurulatih yang telah dilantik. Program ini adalah di bawah National Blue Ocean Strategy 8 (NBOS 8) atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang merupakan salah satu usaha untuk mengurangkan indeks jenayah. Terdapat tiga agensi utama yang melaksanakan program ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pelaksanaan Program Remaja berwawasan ini dilaksanakan bertujuan untuk membina karektor murid-murid di sekolah bagi mendekati aktiviti-aktiviti luar yang mencabar mental dan fizikal seperti merentas halangan, jungle tracking, jalan lasak, treasure hunt serta diselitkan dengan aktiviti pengukuhan kerohanian serta sahsiah dan jati diri murid seperti ring kaunseling, ceramah motivasi, tazkirah dan sebagainya.



